

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

### **IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**

Permohonan adalah dipelawa daripada kakitangan Universiti Selangor / warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:

| BIL | JAWATAN                              | GRED        | KAMPUS                          | STATUS LANTIKAN                          |
|-----|--------------------------------------|-------------|---------------------------------|--|
| 1.  | <b>Pentadbir Pengkalan Data</b>      | <b>F41</b>  | <b>Bestari Jaya / Shah Alam</b> | <b>Lantikan Secara Kontrak (1 Tahun)</b> |
| 2.  | <b>Pegawai Teknologi Maklumat</b>    | <b>F41</b>  |                                 |  |
| 3.  | <b>Pengaturcara</b>                  | <b>F29</b>  |                                 |  |
| 4.  | <b>Juruteknik Teknologi Maklumat</b> | <b>FT17</b> |                                 |  |
| 5.  | <b>Pemandu</b>                       | <b>R6</b>   |                                 |  |

### **SYARAT – SYARAT PERMOHONAN :**

#### **I. PENTADBIR PENGKALAN DATA (F41)**

- 1) Warganegara Malaysia;
- 2) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh lantikan jawatan;
- 3) Mempunyai ijazah Sarjana Muda (ISM) Teknologi Maklumat / Sains Komputer/Kejuruteraan Perisian atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 4) Mempunyai pengetahuan Oracle Database, MySQL dan Microsoft SQL Server;
- 5) Berpengalaman dalam menguruskan operasi pangkalan data berskala besar;
- 6) Kepakaran dalam memperbaiki bug program, mereka bentuk dan mengurus pangkalan data universiti;
- 7) Mempunyai sekurang- kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam pentadbiran pangkalan data, teknologi maklumat dan seni bina pangkalan data;
- 8) Berpengetahuan dalam memastikan prestasi, integriti dan keselamatan pangkalan data sistem maklumat universiti sentiasa dalam keadaan baik termasuk mengaplikasikan Compliance Security Policy;
- 9) Kepakaran dalam menyediakan skrip termasuk Shell Scripts dan Python;
- 10) Mampu melaksanakan pelan migrasi data, merebentuk penyelesaian pengarkiban data, pelayan pengkalan data dan penyelenggaraan pangkalan data secara berjadual; dan
- 11) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **2. PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (F41)**

- 1) Warganegara Malaysia;
- 2) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh lantikan jawatan;
- 3) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda (ISM) Teknologi Maklumat / Sains Komputer/Kejuruteraan Perisian atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 4) Kepakaran dalam menganalisa, mereka bentuk, membangun, melaksana dan menyelenggara infrastruktur keselamatan ICT di peringkat universiti;
- 5) Mempunyai sekurang- kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam pentadbiran pangkalan data, teknologi maklumat dan seni bina pangkalan data;
- 6) Berpengetahuan dalam menyedia dan mengkaji dokumen infrastruktur keselamatan ICT bagi tujuan audit keselamatan ICT;
- 7) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- 8) Boleh melakukan kerja-kerja sokongan selepas waktu pejabat sekiranya diperlukan.

## **3. PENGATURCARA (F29)**

- 1) Warganegara Malaysia;
- 2) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh lantikan jawatan;
- 3) Mempunyai Diploma Teknologi Maklumat / Sains Komputer / Kejuruteraan Perisian dan yang setaraf dengannya;
- 4) Keperluan bahasa pengaturcara : ASP Classic, MSSQL, PHP, Laravel, dan MySQL
- 5) Berpengetahuan dalam pembangunan sistem aplikasi kewangan / sumber manusia, sistem dan teknologi;
- 6) Mempunyai sekurang- kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam pentadbiran pangkalan data, teknologi maklumat dan seni bina pangkalan data;
- 7) Mempunyai pengalaman dalam membangunkan aplikasi mudah alih dengan Flutter;
- 8) Pemahaman yang kukuh tentang konsep pengaturcaraan berorientasikan objek;
- 9) Mempunyai kemahiran dalam bahasa pengaturcaraan Dart dan berpengalaman dalam sistem kawalan versi seperti Git;
- 10) Mempunyai pengalaman dalam mentegrasikan API, Firebase atau platform awam merupakan satu kelebihan;
- 11) Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik; dan
- 12) Mampu melaksanakan pelbagai tugas dalam satu masa yang terhad, selaras dengan keperluan organisasi.

## **4. JURUTEKNIK TEKNOLOGI MAKLUMAT (FT17)**

- 1) Warganegara Malaysia;
- 2) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh lantikan jawatan;
- 3) Mempunyai Diploma Teknologi Maklumat / Sains Komputer / Kejuruteraan Perisian dan yang setaraf dengannya;
- 4) Kepakaran dalam penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan, penyelenggaraan kelengkapan Teknologi Maklumat, Penyelenggaraan aplikasi pengkomputeran dan operasi sistem;
- 5) Mempunyai sekurang- kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam pentadbiran pangkalan data, teknologi maklumat dan seni bina pangkalan data;
- 6) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- 7) Boleh melakukan kerja-kerja sokongan selepas waktu pejabat sekiranya diperlukan.

## **5. PEMANDU (R6)**

- 1) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;
- 2) Mempunyai lesen memandu Kelas D/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)) (*wajib disertakan bersama Borang Permohonan Jawatan*);
- 3) Mempunyai lesen PSV Bas (Public Service Vehicle) (*wajib disertakan bersama Borang Permohonan Jawatan*);
- 4) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini;
- 5) Bebas dari sebarang saman lalu lintas dan sihat tubuh badan; dan
- 6) Mempunyai pengetahuan asas penggunaan komputer (Microsoft Word dan Microsoft Excel).

## **TATACARA MEMOHON**

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran *passport* terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :
  - i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
  - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
  - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat;
  - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.
- b) Permohonan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut :

### **Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia**

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan

Kampus Bestari Jaya

45600 Bestari Jaya

Selangor

Tel : 03-3280 5068 / 03-3280 5071

- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **21 JUN 2024**.
- e) Lain-lain:
  - i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
  - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
  - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.